

MPPG diarah periksa semua loji kumbahan

Usaha kesan punca bau busuk di SK Taman Pasir Putih rumit

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) diarah memeriksa semua loji kumbahan di bawah penyelenggaraannya, untuk memastikan pencemaran bau yang dikesan kelmarin, tidak berulang.

Arahan dikeluarkan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon yang melakukan pemeriksaan di loji kumbahan berhampiran Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, semalam.

Chen Choon mengakui, usaha mengesan punca pencemaran bau yang mengganggu murid SK Taman Pasir Putih kelmarin, pada asasnya adalah rumit.

Bagaimanapun, katanya, beliau bersama agensi berkaitan berusaha sedaya upaya, untuk menghapuskan semua punca yang berkemungkinan mengakibatkan insiden berkenaan.

"Saya bersama pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor dan jurutera MPPG, sudah melakukan pemeriksaan di loji kumbahan berhampiran SK Taman Pasir Putih pagi tadi (semalam).

"Susulan itu, saya sudah mengarahkan MPPG memeriksa pa-



Chen Choon (dua dari kiri) melihat pelan lokasi loji kumbahan yang berdekatan SK Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor Bahru, semalam. (Foto Ihsan Pejabat EXCO Johor)

rameter inlet dan outlet semua loji kumbahan di bawah penyelenggaraannya dengan lebih kerap dan teliti," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Chen Choon berkata, kekerapan pemeriksaan membolehkan tindakan diambil serta-merta, sekiranya bacaan pemeriksaan tidak menepati piawaian yang ditetapkan.

Dalam kejadian pada jam 7.30 pagi kelmarin, seramai 34 murid SK Taman Pasir Putih terpaksa dihantar ke klinik, kerana mengalami gejala muntah akibat terhidu bau busuk yang tidak dikenal pasti puncanya.

Sementara itu, di Pasir Gudang, Pakar Kualiti Air dan Per-

modelan, Dr Zaki Zainudin, berkata agensi berkaitan disaran menjalankan kajian terhadap kawasan industri, terutama membabitkan kimia berbahaya yang berisiko mengalami pencemaran seperti di daerah ini.

Beliau berkata, hasil kajian dan pemantauan dilakukannya, memang terdapat banyak kawasan industri di seluruh negara mempunyai risiko tersendiri.

"Kita ada banyak kawasan industri di Malaysia, walaupun setakat ini kejadian pencemaran paling teruk adalah di Pasir Gudang, tetapi tidak bermakna tiada kawasan lain yang tidak berisiko.

"Ini adalah pengajaran. Kita

kena bersedia dari sekarang, jadi, saya cadangkan mereka (pihak berwajib) buat kajian," katanya selepas menjadi panel Forum Halatuhu Isu Pencemaran Pasir Gudang di sini, semalam.

Beliau berkata, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu dipinda bagi menangani kejadian pencemaran di negara ini, khususnya seperti yang berlaku di Sungai Kim Kim daripada berulang.

"Masalahnya sekarang ini, Akta Kualiti Alam Sekeliling, dari segi pelepasan dari industri, kilang, kita hanya mengawal dari segi kepekatan, sedangkan kita tidak mengawal beban pencemaran itu," katanya.